



سيارن اخبار
PRESS RELEASE

KEMENTERIAN KESIHATAN • Jalan Menteri Besar, Bandar Seri Begawan BB3910, Negara Brunei Darussalam.
Tel: 2381640 samb./ext. 7734 • Faks/Fax: 2383016 • E-mel/E-mail: prohealth@brunet.bn

SIARAN AKHBAR 

KENYATAAN MEDIA
PENGURANGAN LANGKAH-LANGKAH PENJARAKAN
SOSIAL YANG DIAMBIL
BERIKUTAN SITUASI COVID-19
DI NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

12 Syawal 1441 / 4 Jun 2020

1. Kementerian Kesihatan ingin memaklumkan kepada orang ramai bahawa pada hari ini, Khamis, 12 Syawal 1441H bersamaan 4 Jun 2020M, Alhamdulillah dengan izin Allah Subhanahu Wa Ta'Ala jua, **tidak ada kes baru** jangkitan COVID-19 telah disahkan di negara ini. Ini bermakna **jumlah keseluruhan kes COVID-19 di negara ini kekal seramai 141 orang** manakala **jumlah kes yang telah sembuh ialah seramai 138 orang.**
2. Pada masa ini, hanya **satu kes aktif** masih dirawat di Pusat Pengasingan Kebangsaan. Beliau masih dalam keadaan kritikal dan memerlukan bantuan mesin tambahan *heart/lung machine (ECMO)* dan mesin pernafasan. Sama-samalah kita berdoa semoga Allah Subhanahu Wa Ta' Ala memberikan kesembuhan sepenuhnya kepada beliau. Aamiin Aamiin Ya Rabbal Alamin.

3. Dalam tempoh 24 jam yang lalu, sebanyak **320 sampel** telah diuji bagi virus SARS-CoV-2 yang membawa jumlah keseluruhan ujian makmal dijalankan sejak Januari 2020 kepada **20,205 ujian**.

4. Seterusnya, merujuk pengumuman sidang media pada 4 Mei, 14 Mei dan 21 Mei 2020 mengenai pengurangan langkah-langkah penjarakan sosial; pembukaan masjid-masjid, surau-surau dan balai-balai ibadat bagi menunaikan sembahyang fardhu Jumaat bermula 29 Mei 2020; dan sesi kedua penggal persekolahan yang bermula pada 2 Jun 2020; serta mengambilkira situasi COVID-19 di Negara Brunei Darussalam yang pada masa ini adalah dalam keadaan yang terkawal, maka pada menjunjung titah perkenan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, Kementerian Kesihatan ingin memaklumkan kepada orang ramai mengenai **tambahan** pengurangan langkah-langkah penjarakan sosial yang telah dilaksanakan berikutan wabak COVID-19 di negara ini, seperti berikut:
 - Tambahan pengurangan langkah-langkah penjarakan sosial kali ini akan melibatkan sekolah tusyen dan sekolah muzik, yang mana hanya kelas persendirian atau *one-on-one classes* sahaja dibenarkan buat sementara waktu.

- Tambahan pengurangan langkah-langkah penjarakan sosial ini akan bermula pada **hari Jumaat, 13 Syawal 1441H bersamaan dengan 5 Jun 2020.**
- Pengurus-pengurus bagi kesemua premis-premis yang disebutkan di atas adalah dikehendaki untuk:
 - i) Mendapatkan kod QR BruHealth yang khusus bagi premis-premis tersebut dan seterusnya mencetak kod QR dan melekatkannya di kawasan pintu masuk premis untuk diimbaz oleh pelanggan sebelum masuk dan sejurus sebelum meninggalkan premis;
 - ii) Melakukan pemeriksaan suhu badan pengunjung di pintu masuk dan memastikan pengunjung mematuhi garis panduan penjarakan sosial; dan
 - iii) Menasihatkan sesiapa yang mempunyai tanda-tanda jangkitan dan orang berisiko tinggi untuk tidak hadir ke premis berkenaan.

5. Dengan ini, Kementerian Kesihatan memaklumkan bahawa orang ramai adalah dikehendaki untuk mematuhi segala peraturan dan arahan yang berkaitan dengan pengurangan langkah-langkah penjarakan sosial tersebut. Sesiapa yang didapati melanggar atau ingkar akan mana-mana arahan yang telah dikeluarkan maka ianya adalah menjadi satu kesalahan di bawah Akta Penyakit Berjangkit (Penggaj 204) yang mana

jika didapati bersalah boleh membawa denda sehingga \$10,000 atau penjara sehingga tempoh 6 bulan atau kedua-duanya sekali. Kementerian ini tidak akan teragak-agak untuk mengambil tindakan undang-undang terhadap sesiapa yang tidak mematuhi arahan-arahan yang telah dikeluarkan.

6. Kementerian Kesihatan akan terus memantau situasi wabak di dalam negara serta di peringkat serantau dan global serta melaksanakan penilaian risiko secara berterusan bagi mempertimbangkan pengurangan langkah-langkah seterusnya. Jika situasi wabak kembali membimbangkan, Kementerian Kesihatan tidak akan teragak-agak untuk memperketatkan semula langkah-langkah penjarakan sosial yang perlu dilaksanakan untuk mengawal wabak tersebut. Sebagai salah satu langkah mempertingkatkan pemantauan terhadap jangkitan COVID-19 di negara ini, Kementerian Kesihatan juga akan memperluaskan saringan ujian makmal SARS-CoV-2 khususnya di kalangan petugas-petugas *frontliner* dan petugas-petugas di pusat penjagaan kanak-kanak, *preschools* dan pusat penjagaan warga emas. Kementerian Kesihatan akan memaklumkan kepada orang ramai mengenai sebarang perubahan mengenai situasi ini, jika perlu dari masa ke masa.
7. Berikutan makluman mengenai ***BruHealth App***, Alhamdulillah setakat ini sejumlah **272,190 orang ramai** telah mendaftar sebagai pengguna

aplikasi tersebut. Manakala, sejumlah **5,330 syarikat dan premis** telah mendaftar kepada aplikasi tersebut.

8. Kementerian Kesihatan juga ingin memaklumkan kepada orang ramai bahawa Persatuan Bulan Sabit Merah, Negara Brunei Darussalam akan bekerjasama dengan Kementerian Kesihatan dalam menyediakan meja bantuan atau *help desk* untuk membantu orang ramai dalam penggunaan *BruHealth App*. *Help desk* yang dimaksudkan akan ditempatkan di Rimba Point Shopping Complex Mall yang mana akan dibukakan bermula pada 12 Jun 2020, iaitu pada setiap hari Jumaat hingga Ahad pada jam 9 pagi hingga 9 malam serta di Komplek Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah pada setiap hari Ahad pada jam 10 pagi hingga 5 petang.
9. Untuk maklumat lanjut dan perkembangan terkini, orang ramai boleh melayari laman web Kementerian Kesihatan iaitu **www.moh.gov.bn** atau menghubungi **Talian Nasihat Kesihatan 148** atau melalui aplikasi **healthinfo.gov.bn**.

- **TAMAT** -

Rujukan : KK/PR/2

Tarikh : 12 Syawal 1441H / 4 Jun 2020